

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**RUJUKAN : 10019**

**SOALAN :**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM  
NEGERI menyatakan :-**

- a) bilangan orang dari Sarawak yang berstatus 'bukan warganegara' di rekod Jabatan Pendaftaran Negara; dan
- b) jumlah orang yang berjaya memohon kewarganegaraan, jumlah orang yang masih belum dapat kelulusan dan jumlah orang yang gagal memohon kewarganegaraan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) sehingga 30 Jun 2017, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah merekodkan seramai 33,246 orang individu bukan warganegara yang dilahirkan di negeri Sarawak.**
  
- (b) sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 642 permohonan kewarganegaraan telah diluluskan, 244 permohonan tidak diluluskan dan 425 permohonan pula sedang diproses oleh JPN Negeri Sarawak.**